



## UPM Johan Pidato Kemerdekaan IPT



Dr. Hou Kok Chung (tengah) menyampaikan hadiah kepada Mohd. Shamsul Salleh

SERDANG, 26 Ogos – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya mengungguli dua pertandingan utama pidato Bahasa Melayu antara Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berlangsung baru-baru ini.

Mohd. Shamsul Salleh dari UPM muncul Johan Pertandingan Pidato Kemerdekaan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia 2008 kategori Bahasa Melayu dengan menewaskan 17 pemidato IPT lain.

Shamsul yang berpidato dengan tajuk "Kestabilan Ekonomi Teras Kelestarian Kemerdekaan" membawa pulang wang tunai RM 5,000, piala pusingan, piala irigan, cenderamata dan sijil penyertaan pada pertandingan yang diadakan di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM.

"Saya ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Sekyen Pembangunan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UPM dan rakan-rakan yang sentiasa menyelia latihan secara berterusan," katanya yang merupakan pelajar Tahun Tiga Bachelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Azali Mohamed, ketika ditemui sejurus selepas pertandingan tersebut berkata, BHEP sentiasa menggalakkan dan melaksanakan program pembangunan sahsiah dan kemahiran insaniah pelajar.

"Aktiviti pidato merupakan salah satu medium yang boleh membantu meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar," katanya.

Dua lagi kejohanan utama debat menyusul dalam kalendar MADUM iaitu Pidato Kepemimpinan Harmoni (Peniti) dan Pidato Komoditi pada tahun ini dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan latihan pusat kepada pemidato-pemidatonya.



Zamir Hamdy dan Mohd. Shamsul Salleh bergambar bersama Dr. Hou Kok Chung.

"Saya dan rakan-rakan berlitzam untuk memastikan Universiti Putra Malaysia sekali lagi muncul sebagai johan dalam dua pertandingan akan datang", kata anak kelahiran Batu Pahat, Johor ini.

Sementara itu, Mohd. Izat Jonid dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mendapat Naib Johan dan Tempat Ketiga dimenangi oleh Azri Zahier Azmi dari Universiti Malaya (UM), masing-masing membawa pulang wang tunai RM 3,000 serta RM 1,000 bersama piala irigan, cenderamata dan sijil penyertaan.

Dalam kategori Bahasa Inggeris pula, Zamir Hamdy dari UIAM muncul Johan sementara Ashwin Charles dari Universiti Malaysia Pahang memenangi naib johan dan Firdaus Nejim Al-A sedi dari UM mendapat tempat ketiga dengan hadiah yang sama seperti kategori Bahasa Melayu.

Pertandingan saringan telah dijalankan dari 15 hingga 17 Ogos yang lalu dan pertandingan akhir yang diadakan ini telah dijanjikan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) dan Universiti Teknologi MARA.

Pengarah pertandingan Tajul Ariffin Adam berkata sebanyak 21 IPT Awam dan Swasta dalam kedua-dua kategori Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris iaitu kira-kira 50 pemidato mengambil bahagian pertandingan itu.

Pertandingan pusingan akhir itu dinilai oleh tujuh hakim iaitu lima dari MADUM, seorang dari Yayasan Tunku Abdul Rahman dan seorang hakim jemputan sementara Timbalan Menteri Pengajaran Tinggi Malaysia, Dr. Hou Kok Chung telah menyampaikan hadiah pemenang pertandingan.

Sementara itu dalam Pidato Piala Belia Rakan Muda anjuran Kementerian Belia dan Sukan pada 10 Mei lalu, Shamsul turut muncul sebagai johan dengan membawa pulang piala pusingan dan hadiah wang tunai berjumlah RM350.

Tajuk Pidato beliau "Pembangunan Belia Dari Perspektif Pembangunan Aset" telah berjaya menarik perhatian hakim dan penonton menewaskan 17 peserta IPTA yang lain.



Mohd. Shamsul Salleh bergambar dengan Prof. Dr. Azali Mohamed dan Fahmi Azar Mistar

Oleh Unit Media, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia